

Penguatkuasaan berkesan kawal bencana berulang

Mati pucuk, itulah yang diumpamakan terhadap sikap pihak berkaitan di negara ini dalam menghadapi sesuatu bencana. Mungkin ada yang menganggapnya lucu dan ada juga yang mungkin melihat kenyataan ini sebagai keras atau menganggapnya lucu. Pelbagai tanggapan boleh dibuat pelbagai pihak berhubung perumpamaan yang diberikan, namun hakikatnya, inilah sindrom yang harus ditelan dalam melihat strategi menangani bencana di negara ini.

Dalam menjelaskan sindrom ini, ia dikaitkan dengan situasi yang mana apabila berlaku sesuatu bencana atau banjir di kawasan tertentu, keadaan mula menjadi tegang dengan pelbagai pihak dilihat mula mengeluarkan pelbagai kenyataan. Namun, ketegangan itu tidak kekal lama dan selepas kira-kira sebulan dan keadaan mulai reda, yang tegang itu akan mula mengendur dan berkemungkinan terus layu sehinggalah perkara sama berulang.

Rumusan Timbalan Naib Canselor UniSZA

Itu adalah antara rumusan dikemukakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Profesor Dr Ekhwan Toriman dalam ucaptamanya bertajuk Isu SOP Dalam Mitigasi Banjir pada Persidangan Kebangsaan Bencana Banjir Realiti dan Tindakan yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengambil contoh isu Cameron Highlands, beliau menjelaskan, satu lagi budaya yang dipanggil sebagai *tunnel vision* turut menjangkiti kalangan pi-

hak berkaitan apabila berlaku bencana kerana hanya satu pihak dipersalahkan dan dalam kes ini Tenaga Nasional Bhd (TNB), sedangkan pihak berkaitan termasuk pekebun sayur terlepas, sedangkan apa yang berlaku perlu dilihat secara kolektif.

Terus memegang contoh sama, Profesor Ekhwan mendakwa, wujudnya kontrak sosial dalam industri penanaman sayur di kawasan tanah tinggi itu menyumbang kepada aktiviti pertanian haram yang dilakukan pekerja kepada penanam utama dan sekali gus menyumbang kepada bencana yang berlaku.

Justeru katanya, penguatkuasaan adalah elemen penting dalam mengurangkan masalah bencana banjir.

Jelasnya, banjir tidak dapat dielakkan sebaliknya ia boleh dikawal kerana banyak faktor yang menyumbang kepada kejadian itu antaranya, seperti yang banyak diperkatakan iaitu perubahan iklim dan ia dipercepatkan lagi dengan keadaan hujan yang tidak menentu.

Wujudnya kawasan yang tidak berkanopi akibat penggunaan tanah terutama bagi tu-

juan pembangunan menyumbang kepada kejadian banjir dan pada masa sama ia menyukarkan kawalan terhadap mendapan kerana ia berkumpul secara perlahan-lahan.

Perubahan guna tanah

Mengambil contoh Cameron Highlands, beliau berkata, perubahan dalam guna tanah menyebabkan mendapan berlaku di kawasan hadapan empangan dan proses menguruskan kelodak ini mengambil masa lama, selain ia turut membabitkan jumlah kewangan yang agak besar.

Dalam perkembangan sama, Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) Bahagian Penjanaaan TNB, Azman Talib, baru-baru ini berkata, dianggarkan TNB perlu mengorek dan mengeluarkan 750,000 meter padu enapan dan sampah menjelang hujung tahun ini dengan kos RM40 juta.

Itu adalah perbelanjaan tahunan paling tinggi berbanding RM180 juta yang dibelanjakannya untuk kerja pengorekan empangan Ringleet sejak tahun 2001, dan selagi aktiviti membuka tanah dan perladangan tidak terkawal terus berlaku di kawasan huluan, selagi itulah TNB perlu terus melakukannya.

Mengikuti Profesor Ekhwan, jika dilihat, Malaysia sudah mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) terhadap bencana banjir dan apa yang perlu dilakukan adalah memperkemas kerana katanya, walaupun negara ini kurang terdedah kepada bencana alam, tetapi kenapa dalam soal banjir kita tidak melakukannya secara ber-sungguh-sungguh.

"Banjir akan tetap berlaku, magnitudnya yang perlu kita lihat," katanya dan menambah menguruskan banjir adalah persoalan yang harus diberi keutamaan.

Justeru, beliau mencadangkan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diberi kuasa di bawah peruntukan undang-undang bagi mengambil tindakan terhadap mereka yang mencebong zon penampungan sungai selain menempatkan ahli yang pakar dalam bidangnya terhadap usaha menguruskan banjir dan mengawal daripada kejadian banjir yang lebih buruk.

Beliau turut mencadangkan agar diwujudkan pusat penyelidikan setempat berkenaan banjir dan bencana yang mana peranan ini boleh diserahkan kepada Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) selain garis panduan mengenai banjir persekitaran haruslah dijadikan rang undang-undang.

FAKTA NOMBOR

RM40
juta

Anggara kos korek dan keluarkan 750,000 meter padu enapan dan sampah menjelang hujung 2014



Dr Ekhwan ketika membentangkan kertas pada Persidangan Kebangsaan Bencana Banjir 'Realiti dan Tindakan', di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[BERNAMA]